

Headline	TNB buka Kedai Tenaga hari ini		
MediaTitle	Sinar Harian	Language	Malay
Date	12 May 2020	Readership	420,000
Circulation	140,000	Page No	26
Section	Bisnes	Journalist	N/A
ArticleSize	215 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 13,674		



## TNB buka Kedai Tenaga hari ini

**TENAGA** Nasional Berhad (TNB) kembali membuka Kedai Tenaga secara berperingkat bermula hari ini, sejajar dengan langkah kerajaan memberi kelonggaran kepada sektor perkhidmatan ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

TNB menjelaskan, sejumlah 47 Kedai Tenaga dan 31 kios pembayaran layan diri di lima negeri iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak (kecuali di Sri Manjung) dan Kelantan yang diisyihar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai zon hijau kem-

bali beroperasi.

“Waktu operasi Kedai Tenaga adalah 9 pagi sehingga 4 petang. Kios pembayaran layan diri pula beroperasi dari 8 pagi hingga 8 malam,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Katanya, tarikh pembukaan semula Kedai Tenaga dan kios pembayaran layan diri di negeri lain akan diumumkan kelak.

Kedai Tenaga di seluruh negara telah ditutup buat sementara sejak 19 Mac 2020 bagi mengelak penyebaran virus koronavirus (Covid-19).

Sementara itu, Ketua

Pegawai Runcit TNB, Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan berkata, persiapan telah dilakukan mengikut prosedur pengendalian standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan bagi menjamin keselamatan kakitangan dan pelanggan.

“Kami akan memastikan pelanggan memakai topeng muka, memeriksa suhu badan, memberi butiran diri untuk tujuan pengesanan kontak, menggunakan cecair nyahkuman disediakan serta mengamalkan penjarakan sosial dengan berada di kawasan bertanda,” katanya



**TNB**  
mengambil  
langkah  
berjaga-jaga  
seperti  
pemakaian  
penutup  
muka apabila  
Kedai Tenaga  
kembali  
beroperasi  
secara  
berperingkat  
mulai **12 Mei**  
ini.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
AVA-Animal Welfare & Stray Management (AVA-Animal Health)	1	0	RM 0
Bernama - MREM (Bernama - MREM 6)	1	0	RM 0
Covid- 19 - Malaysia (Covid- 19 - Malaysia)	3	0	RM 0
Human Resource (Human Resource)	1	0	RM 0
Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) (Jabatan Perkhidmatan Awam)	2	0	RM 0
Ministry of Health - Covid (Ministry of Health - Covid)	1	0	RM 0
Ministry of Health (Ministry of Health)	1	0	RM 0
Ministry of Health (MOH) -SG (Ministry of Health - Special - SG)	1	0	RM 0
Ministry of Health (MOH) -SG (Ministry of Health (MOH) - SG)	1	0	RM 0
Pharmaceuticals Industry News (Pharmaceuticals - Healthcare &	1	0	RM 0
PLUS - MCO (PLUS - MCO)	1	0	RM 0
PUB - Johor River Water Works (PUB JRWW) (Immigration &	1	0	RM 0
Ramsay Sime Darby Health Care Group (Ministry of Health - Malaysia	1	0	RM 0
Star Reacher - Coronavirus (Star Reacher - Coronavirus)	2	0	RM 0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional )	6	0	RM 0